

**SULIT**  
**LATIH TUBI SPM 2022**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**  
**2 jam 30 minit**  
**Set 2**

1103/2



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**  
**(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**LATIH TUBI SPM 2022**

---

---

**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS 2**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN (PP)**

---

Skema Pemarkahan Latih Tubi ini mengandungi 13 halaman bercetak

**SULIT**

## PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU 2 SET 2

### BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

#### Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata penguat dan kata penekan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kata penguat dan kata penekan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa /tanda baca daripada keseluruhan soalan

#### Soalan 1 – Morforlogi

Kata Penguat [terima dua sahaja]

- (i) paling  
~teramat, amat sangat
- (ii) sangat  
~terlalu, terlampau, hebat, kuat, menjadi teruk, benar-benar, sememangnya
- (iii) sekali  
~satu kali, suatu ketika, semuanya pada satu waktu, semuanya atau seluruhnya, amat, terlalu, sangat

Kata Penekan [terima dua sahaja]

- (i) Sesungguhnya  
~bahawasanya, sebenarnya, sebetulnya, memang, sememangnya
- (ii) Bahawasanya  
~ bahawa, sesungguhnya, sebenarnya
- (iii) Nampaknya  
~rupa-rupanya

[Maksimum : 8 markah]

## Soalan 2- Sintaksis (Ayat Tanya)

- (i) Siapakah pengarah eksekutif Syarikat Kencana Suria?
- (ii) Bilakah Puan Aisyah sekeluarga akan berpindah ke Negeri Sembilan?
- (iii) Di manakah pertandingan pidato sempena Hari Belia Negara diadakan?
- (iv) Mengapakah manisan dan aneka pencuci mulut yang dibuat oleh Ain mendapat pujian pelanggan?
- (v) Apakah yang digunakan untuk kerja-kerja penyemburan racun dengan cepat dan selamat?
- (vi) Bagaimanakah penduduk di kawasan perumahan Taman Orkid Perdana hidup aman damai?

**Maksimum :6 markah**

## Soalan 3 – Penyuntingan (Pelbagai kesalahan bahasa)

### Bahan 1

- (i) Sering kali - seringkali
- (ii) merasa - berasa
- (iii) cenderamata - ganjaran
- (iv) dikecewakan - mengecewakan
- (v) kemanusiaan - kemanusiaan
- (vi) tangan lepas - lepas tangan

### Bahan 2

- (i) aspirasi - inspirasi
- (ii) Di - Pada
- (iii) jerih-perih - jerih perih
- (iv) tidak - bukan
- (v) para doktor - doktor- para doktor

**[Maksimum : 11 markah]**

## Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Deskripsi	Markah
	6
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 - 6
Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3 - 4
Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1 - 2
Ayat disalin bulat-bulat/ Isi tidak mengikut urutan/ salah falta	0

Tun Kudu merupakan isteri kepada Duli Yang dipertuan, rupanya sangat cantik tetapi matanya juling sedikit. Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara-Diraja itu, baginda menceraikan Tun Kudu, dan segera dihantar pulang ke rumah Paduka Raja, diberi belanja serta disuruh berkahwin dengan Seri Nara Diraja. Semua anak buah Seri Nara Diraja bertanya, "Bagaimana datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, bulu mata dan kening sudah bertemu?"

**[Maksimum : 6 markah]**



**Soalan 5 -Peribahasa**

**Peribahasa berdasarkan situasi. [ terima dua sahaja]**

- (i) Peribahasa berdasarkan situasi. [ terima dua sahaja]
- (i) peribahasa : usia setahun jagung, darah setampuk pinang  
maksud : seseorang yang masih muda
- (ii) peribahasa : bagai kaca terhempas ke batu  
maksud : hati yang hancur kerana dukacita/sedih
- (iii) peribahasa : sudah jatuh ditimpa tangga  
maksud : berturut-turut mendapat kesusahan

**[Maksimum : 4 markah]**

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

### Panduan pemarkahan soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan pemarkahan soalan pemahaman

Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis.	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis.	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup.	
- Jawapan salah.	0

Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis.	
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis.	2
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan.	1
- Jawapan salah.	0

Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis.	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis.	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis.	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis.	1
- Jawapan salah.	0

Soalan 6

(i) maksud *mengenang jasa*

- mengingati / menghargai / memikirkan / bakti / hasil / usaha gigih 2
- mengingati *jasa* 1
- *mengenang* bakti 1

(ii) Kebaikan-kebaikan yang diperoleh dengan mempelajari mata pelajaran Sejarah

**Bahan 1**

P1 Dapat memupuk semangat cinta akan negara positif.

P2 Mengenang jasa tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara.

P3 Menjadikan teladan peristiwa sejarah

**Bahan 2**

P1 dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi kesilapan

P2 menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa

P3 sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini.

P4 rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara

**Nota : Jawapan murid mestilah berdasarkan semua bahan.**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Tindakan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menarik minat murid mempelajari sejarah

P1 menggubal semula kurikulum /sukatan mata pelajaran Sejarah perlu lebih terkini

P2 menerbitkan buku teks Sejarah yang lebih menarik dan padat dengan nota

P3 melatih guru Sejarah dengan teknik pengajaran berkesan/ interaktif dan terkini

P4 mata pelajaran Sejarah wajib dimulakan sejak sekolah rendah iaitu dari tahun tiga

P5 menyediakan slot TV Pendidikan khusus untuk mata pelajaran Sejarah

( Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai )

[ Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk membantu rakan agar lulus dalam mata pelajaran sejarah bagi melayakkan mereka memperoleh sijil SPM

P1 membuat perbincangan kumpulan kecil

P2 membimbing mereka teknik menjawab soalan

P3 berkongsi nota

P4 memberikan sokongan moral

( terima langkah-langkah yang sesuai )

[ Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]



**Soalan 7**

(i) *apakah yang berlaku kepada penyajak dalam rangkap 1*

- Sepi 1
- tiada siapa yang datang menjenguknya 1
- penyajak mengeluh 1

(ii) **Harapan seorang ibu terhadap anaknya**

**Bahan 1**

P1 semoga disirami benih keinsafan

**Bahan 2**

P1 Namun Jaga suami dan anak-anak kau baik-baik.

P2 Tak apalah, ada masa nanti baliklah jenguk mak di kampung

- **Nota : Jawapan murid mestilah berdasarkan semua bahan.**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **kepentingan mengenang jasa ibu**

P1 memperoleh keredaan Tuhan

P2 memenuhi tuntutan agama

P3 insan yang melahirkan kita ke dunia

P4 insan yang menjaga kita sejak dari kecil

( **kepentingan lain boleh diterima sekiranya sesuai** )

[ Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Cadangan tindakan terhadap ibu yang ditinggalkan**

P1 membelikan makanan dan minuman

P2 menelefon pihak polis

P3 menelefon anak ibu tersebut

P4 membawanya pulang ke rumah

P5 meminta bantuan ibu bapa membawanya ke balai polis berhampiran

( **terima apa-apa cadangan tindakan yang sesuai** )

[ Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

8 (i) P1 dunia hari ini yang kian tercemar

P2 pencemaran udara

P3 pencemaran air

P4 tekanan harian

P5 kurang bersenam

P6 gaya hidup tidak sihat

P7 diet yang tidak menentu

[ Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

## Panduan pemarkahan Soalan 8 (ii)

### (ii) Jawapan soalan novel

- a. Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- b. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c. Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
- d. Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- e. Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- f. Jika calon menyenaraikan isi sahaja tanpa sebab, 0 markah.
- g. Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh :  
Baik : 2 markah Lemah : 1 markah
- h. Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- i. Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum : 6 markah]

Sebab-sebab peristiwa tersebut dapat menyentuh perasaan anda.

### Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Kak Mimah mencadangkan Che Jah membuat laporan polis. Che Jah bersetuju membuat laporan polis tentang keganasan yang telah dilakukan oleh suaminya Seman terhadap dirinya dan anak-anak. Akhirnya Seman ditangkap dan diserahkan kepada pihak polis  
Sebab:  
Menyentuh perasaan kerana Seman telah melakukan pelbagai keganasan rumah tangga kepada Che Jah namun Che Jah tetap menyayangi suaminya dan mahu Seman berubah dengan menyerahkannya kepada pihak polis.
2. Peristiwa datuk menceritakan rahsia jendela menghadap jalan. Datuk menjelaskan rekaan jendela dan pintu rumah ketika itu dibina menghadap jalan supaya senang untuk penduduk mengintai pergerakan musuh iaitu komunis yang datang ke kampung mereka.  
Sebab :  
Menyentuh perasaan – cerita datuk dapat menamatkan penantian Lili dan pembaca tentang kisah misteri kebanyakan rumah di kampung itu jendelanya menghadap jalan
3. Peristiwa Lili membantu datuk merawat luka Haziq dan Rafiq yang dibelasah oleh ayah mereka di rumah datuk.  
Sebab :  
Tidak berdendam dengan perkara yang telah berlaku
4. Peristiwa Danel memberikan semula buku Lili yang tertinggal ketika didalam bas  
Sebab :  
Tidak mengambil barang yang bukan milik kita
5. Peristiwa Lili sanggup mengetepikan kehendak hatinya demi menurut perintah ibunya untuk pulang ke kampung  
Sebab :  
Anak yang baik kena menuruti kehendak ibunya.



## Peristiwa yang memaparkan keberanian

### Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa penduduk kampung bekerjasama mengumpulkan wang untuk Dahlia mengikuti kursus Bahasa Jepun selama enam bulan di Universiti Malaya. Haji Sulaiman telah menyerahkan sampul derma daripada orang kampung yang berjumlah RM500 kepada Dahlia.

Sebab :

Menyentuh perasaan – wujudnya kerjasama penduduk kampung untuk mengurangkan beban kewangan masyarakat yang susah.

2. Peristiwa Azhari berjumpa Dahlia di stesen bas. Azhari menghadiahkan sehelai songket berbenang emas berwarna merah kepada Dahlia sebagai simbolik agar Dahlia menjaga jati diri sebagai orang Melayu walau berada di mana-mana pun.

Sebab :

Menyentuh perasaan – Azhari dan Dahlia dapat juga berjumpa sebagai tunangan sebelum terpaksa berpisah kerana Dahlia akan melanjutkan pelajarannya.

3. Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membina semula rumah Embong yang dihanyutkan oleh air.

Sebab :

Kerjasama masyarakat kampung untuk membantu orang dalam kesusahan

4. Peristiwa Embong membawa bangkai ular untuk ditunjukkan kepada anak-anaknya

Sebab :

Pengorbanan seorang bapa demi menyara anak-anaknya.

5. Peristiwa Dahlia sanggup keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya di rumah kerana ibunya dirawat di hospital

Sebab :

Pengorbanan seorang anak sulung dalam keluarga demi keluarga

### BAHAGIAN C : RUMUSAN

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi – 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

i. Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- Nama khas
- Perkataan berganda
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Penanda wacana
- Peribahasa

ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja

iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

v. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

CONTOH SOALAN 3 BAHAN DAN 2 FOKUS								
Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Isi Maksimum
<b>i. Pendahuluan</b>	Fokus 1 + Fokus 2						2	
<b>ii. Isi Bahan 1</b>							16	
Fokus 1 (A) Punca/sebab/faktor	3	3	2	3	1	2		1
Fokus 2 (D) Usaha/langkah/cara	1	1	1	1	1	1		1
<b>iii. Isi Bahan 2</b>								
Fokus 1 (B) Punca/sebab/faktor	2	1	2	2	1	1		1
Fokus 2 (E) Usaha/langkah/cara	4	2	2	1	4	3		4
<b>iv. Isi Bahan 3</b>								
Fokus 1 (C) Punca/sebab/faktor	1	1	1	1	1	1		1
<b>Jumlah Isi</b>	<b>11</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>		<b>8</b>
<b>v. Penutup</b>	Tema + Cadangan + Kesan							2
<b>JUMLAH MARKAH</b>							<b>20</b>	



(a) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <b>sangat</b> baik.</li><li>• Bahasa <b>sangat</b> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumibaharu.</li><li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li><li>• Pengolahan <b>sangat</b> menarik dan berkesan.</li></ul>
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat baik.</li><li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>• Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas dan tepat.</li><li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik dan berkesan.</li></ul>
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <b>kurang</b> baik.</li><li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumibaharu.</li><li>• Penggunaan kosa kata <b>kurang</b> luas dan tepat.</li><li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik dan berkesan.</li></ul>
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidakdifahami.</li></ul>

Nota :

1. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
2. Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.
3. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
4. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
5. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[maksimum : 10 markah]



## SET 2

### Pendahuluan [2 markah]

- P1 membincangkan kesan / implikasi / impak / natijah / akibat pencemaran sungai dan punca / sebab / faktor berlaku pencemaran sungai 2
- P2 membincangkan kesan / implikasi / impak / natijah / akibat pencemaran sungai 1
- P3 membincangkan punca / sebab / faktor berlaku pencemaran sungai. 1

### Isi [16 markah]

Fokus 1 : kesan / implikasi / impak / natijah / akibat pencemaran sungai

#### Bahan 1

- A1 pencemaran air sungai boleh mengancam sumber air mentah di kawasan keliling. 2
- A2 menggalakkan bakteria untuk terus membiak dan menjadi masalah kepada kehidupan di dalam air mahupun kepada manusia sendiri. 2
- A3 menyebabkan hakisan tanah berlaku dan masuk ke dalam sungai 2

#### Bahan 2

- B1 murid kedua-dua sekolah itu bersama-sama guru dan pekerja kantin juga mengalami simptom pening, loya, muntah dan ada yang pengsan 2

#### Bahan 3

- C1 boleh mengancam hidupan air 2
- C2 meningkatkan kos untuk membersihkan sungai 2

Fokus 2 : punca / sebab / faktor berlaku pencemaran sungai

#### Bahan 1

- D1 pembuangan sampah sarap oleh individu yang tidak bertanggungjawab 2
- D2 kegiatan pembalakan yang semakin hari semakin rancak 2
- D3 penggunaan baja kimia, racun serangga, dan racun rumpai dalam sektor pertanian 2
- D4 aktiviti melombong pasir sungai juga menyebabkan pencemaran air sungai. 2

#### Bahan 2

- E1 pembuangan sisa-sisa kimia daripada kilang-kilang berdekatan tanpa sebarang tapisan 2

### Kesimpulan [2 markah]

- K1 Pencemaran sungai hendaklah diatasi oleh semua pihak / kerajaan agar/supaya sumber air bersih terjamin/menjamin kehidupan sejagat. 2
- K2 Semua pihak hendaklah mengatasi masalah pencemaran sungai agar/supaya sumber air bersih terjamin / menjamin kehidupan sejagat. 2
- K3 Pencemaran sungai hendaklah diatasi oleh semua pihak / kerajaan 1
- K4 Semua pihak hendaklah mengatasi masalah pencemaran sungai 1